

Bekas tentera dipenjara 19 tahun kerana bunuh nenek

# Balasan cucu durjana

Kosmo 21/3/12 MS 9.

Oleh MANIRAH OTHMAN.  
manirah.othman@kosmo.com.my

**KUALA TERENGGANU** - Seorang bekas anggota tentera dihukum penjara 19 tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas mengaku bersalah menyebabkan kema-



## Cucu disyaki bunuh nenek direman

**KUALA TERENGGANU** - Seorang nenek berusia 80 tahun ditemui mati dalam keadaan menyayat hati di rumahnya di Kampung Bukit Pak Sahab, Dungun kelmarin.

Mayat mangsa, Muda Mat Zain ditemui oleh anak perempuannya yang berusia 61 tahun dalam keadaan tertiarap dengan muka terberam di dalam besen yang berisi air pada pukul 6.40 petang.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd. Faiz Abdul-

rompakan kerana beberapa barang kemas milik mangsa seperti rantai leher, gelang dan cincin emas hilang.

"Polis yakin mangsa ditamuk oleh orang dikenali kerana tiada kesan pecah masuk ke dalam rumah mangsa," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, polis yang menerima laporan mengenai kejadian itu telah menahan seorang cucu mangsa berusia 20 tahun di

rumahnya.

Mengulas lanjut kejadian itu, Faiz beritahu, anak perempuan Muda yang gal tidak jauh dari rumah mangsa pergi memeriksa rumah tersebut. Mangsa melihat rumah itu bertutup pagi.

"Sebaik masuk ke dalam rumah, anak mangsa terkejut mendapati sudah tidak berkeselamatan dalam keadaan

MUDA



KERATAN Kosmo!14 Oktober 2009.

tian neneknya tiga tahun lepas. Hakim, Datuk Mohd. Yazid Mustafa memerintahkan hukuman terhadap Mohd. Nassir Abdul Manan, 45, bermula dari tarikh dia ditangkap pada 13 Oktober 2009.

Mohd. Nassir yang bekerja sebagai buruh binaan rumah selepas berkhidmat 13 tahun dalam tentera didakwa melakukan perbuatan itu terhadap Muda Mat Zin, 80, di sebuah rumah di Jalan Baru, Bukit Pak Sabah, Dungun di antara 9 pagi dan 7.30 malam 12 Oktober 2009.

Mohd. Yazid dalam penghakimannya berkata, hukuman itu setimpal dengan perbuatan tertuduh dan diharapkan menjadi pengajaran kepada sesiapa agar tidak terlibat dengan gejala dadah yang mampu menyebabkan seseorang hilang pedoman dan pertimbangan ketika melakukan jenayah walaupun dengan mereka yang mempunyai pertalian keluarga.

Laporan forensik mendapati tertuduh yang ketika kejadian di bawah pengaruh dadah telah menyebabkan kematian mangsa dengan melakukan sembilan luka hiris dan takikan di kepala serta 12 torehan di badan mangsa iaitu tujuh sebelum mati dan lima selepas mati bagi memastikan mangsa tidak lagi bernyawa.



MOHD. NASSIR

Muka mangsa turut dilemaskan di dalam besen berisi air di bilik air rumah mangsa.

Mohd. Nassir kemudiannya mencuri wang dan tiga gelang tangan serta dua cincin kepunyaan Muda yang tinggal berseorangan di rumah itu.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Jazamuddin Ahmad Nawawi manakala Mohd. Nassir diwakili peguam, Abdullah Muhamad.

Terdahulu, Abdullah memohon mahkamah mengenakan hukuman ringan kerana tertuduh mempunyai tanggungan isteri dan lima anak selain menyesal serta insaf atas perbuatannya.



RUMAH tempat tinggal Muda sebelum mati dibunuh oleh cucunya di Jalan Baru, Bukit Pak Sabah, Dungun.